



Garis Panduan

Majlis Perkahwinan

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



GARIS PANDUAN MAJLIS PERKAHWINAN

٢٠١٧
جامعة مفتی نegeri Selangor

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Kata-kata Aluan Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji kehadrat Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. keluarga dan sahabat Baginda.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya mengeluarkan sebuah buku "Garis Panduan Majlis Perkahwinan".

Sejak kebelakangan ini terdapat amalan-amalan yang bercanggah dengan syarak telah dilakukan dalam majlis perkahwinan yang diadakan terutama di Negeri Selangor. Oleh itu, saya berharap agar setiap umat Islam yang ingin mengadakan majlis perkahwinan hendaklah memastikan majlis tersebut selaras dengan apa yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah, bagi mencapai keredhaan Allah S.W.T.

Semoga buku ini menjadi panduan kepada umat Islam yang ingin mengadakan majlis perkahwinan. Semoga Allah memberi kita taufiq dan hidayah agar kita sentiasa berada di jalan yang benar.

Sekian Wassalam.


Dato' Setia Haji Mohd Tamyes Bin Abd Wahid
SSIS.,DPMS.,PPT.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

GARIS PANDUAN MAJLIS PERKAHWINAN

1. PENDAHULUAN.

Majlis perkahwinan (walimah) adalah disunatkan dalam Islam kerana ia merupakan suatu ibadah. Oleh itu, umat Islam dituntut meraikan majlis walimah bertepatan dengan syariat Islam.

2. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada umat Islam di Negeri Selangor agar majlis perkahwinan tersebut mendapat keberkatan serta keredhaan Allah SWT.

3. DEFINISI MAJLIS PERKAHWINAN.

Majlis perkahwinan adalah majlis perisytiharan dan meraikan pasangan pengantin. Ia juga dikenali sebagai Walimatul Urus.

3. ACARA-ACARA DALAM MAJLIS PERKAHWINAN.

3.1 AKAD NIKAH.

- a. Akad nikah merupakan suatu ibadah. Oleh itu adalah dicadangkan agar majlis tersebut dijalankan di tempat yang baik dan sesuai.
- b. Sebaiknya, di hadiri orang soleh untuk menyaksikannya.
- c. Disunatkan kedua pengantin mendirikan solat sunat al-zawaj (perkahwinan) dua rakaat selepas akad nikah.
- d. Disunatkan suami meletakkan tangan kanan diubun-ubun isteri sambil berdoa.
- e. Adat membatalkan air sembahyang selepas akad nikah tiada dalam Islam.
- f. Sebaik-baiknya wali sendiri yang mengakadkan pernikahan.

- g. Doa hendaklah dibaca dan diaminkan bagi memohon keberkatan, kesejahteraan dan kebahagiaan pengantin.

3.2 ADAB-ADAB MENGHADIRI MAJLIS AKAD NIKAH:

- a. Memakai pakaian menutup aurat.
- b. Memisahkan tempat di antara lelaki dan perempuan.
- c. Menjaga tingkah laku, adab sopan dan tuturkata.
- d. Jika dilakukan di masjid, orang yang berhadas besar (berjunub, haid dan nifas) dilarang memasuki ruang masjid.
- e. Digalakkan mendengar khutbah nikah, beristighfar, berselawat dan berdoa.

3.3 MAHAR.

- a. Mahar atau maskahwin adalah pemberian yang wajib bagi suami kepada isterinya dengan sebab perkahwinan atau persetubuhan.
- b. Kadar mahar di Negeri Selangor ditetapkan tidak kurang daripada RM300.00 dan tiada had maksima.
- c. Mahar terlalu tinggi yang membebankan pihak lelaki adalah bertentangan dengan hikmah perkahwinan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

مَنْهِرُ النِّكَاحِ أَيْسَرٌ

“Sebaik-baik maskahwin ialah yang lebih rendah”.

(Riwayat Abu Daud)

3.4. BARANG IRINGAN:

- a. Barang iringan atau hantaran adalah hadiah daripada kedua-dua belah pihak yang diharuskan oleh syarak. Ia mestilah dengan niat yang ikhlas, tidak riak, berbangga-bangga, bermegah-megah dan berlebih-lebihan.

- b. Tepak sirih atau sirih junjung yang dipersembahkan sebagai pembuka bicara adalah adat semata-mata. (Hukumnya harus dengan syarat tidak bercanggah dengan aqidah dan syariat).
- c. Barang hantaran yang digubah tidak berbentuk makhluk yang bernawa atau lambang sesuatu agama lain.
- d. Pemberian seperti al-quran, sejadah, tasbih, telekung, songkok adalah suatu pemberian yang baik. Ia dapat mendorong pasangan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- e. Jumlah barang hantaran adalah mengikut kemampuan dan tidak terikat kepada bilangan ganjil sebagai contoh lelaki 5 perempuan 7 seperti yang diamalkan.

4. MAJLIS WALIMATUL URUS (KENDURI PERKAHWINAN)

4.1 WALIMATUL URUS:

Mengadakan walimatul urus hukumnya sunat muakkad sebagaimana Sabda Rasulullah SAW:

أَوْلَمْ وَلَوْ بِشَاءٌ

Maksudnya: Berwalimahlah walaupun dengan menyembelih seekor kambing. (Muttafaq 'alaih).

Majlis jamuan diadakan sebagai tanda syukur dan meraikan tetamu yang hadir. Ia hendaklah dilakukan dengan keikhlasan, tidak berlebih-lebihan, membebankan dan bukan bertujuan menunjuk-nunjuk serta ingin bersaing dengan orang lain. Demikianlah juga dengan persiapan dan perbelanjaan untuk mengadakan majlis tersebut seperti tempahan kad jemputan, cenderahati kepada tetamu yang hadir dan lain-lain.

4.2. KHATAM AL-QURAN DAN BERZANJI.

Majlis ini harus dilakukan, ia merupakan satu ibadah dan mampu membangkitkan suasana dan mananam budaya yang baik dalam sesebuah keluarga. Bagaimana pun hendaklah dilakukan dengan tertib dan menjaga adab-adabnya.

4.3. BACAAN SELAWAT.

Bacaan selawat ketika menyambut ketibaan pengantin adalah diharuskan untuk mendapatkan keberkatan.

4.4. PAKAIAN.

Pakaian kedua pengantin hendaklah menutup aurat dengan sempurna yang bersesuaian dengan kehendak syarak, tidak ketat, singkat dan jarang. Firman Allah SWT:

يَتَبَّعُ الَّذِي قُلْ لَاَرْوَاحُكُمْ وَنِسَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُذِيرَنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَبِهِنَّ
ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفُنَّ فَلَا يُؤْذَنُونَ وَكَارَبَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan Yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara Yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan Yang baik-baik) maka Dengan itu mereka tidak diganggu, dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(al-Ahzab : 59)

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَخَفْظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُتَدِيرَنَّ زِينَتَهُنَّ
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: Dan Katakanlah kepada perempuan-perempuan Yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang Yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali Yang zahir daripadanya...

(an-Nur : 31)

4.5. PERHIASAN:

Secara umumnya Islam tidak melarang berhias supaya kelihatan cantik dan menarik dengan syarat berhias itu hanyalah untuk suami dan bukan untuk tontonan umum.

Pengantin hendaklah memilih jurusolek yang sama jantina dengannya.

4.6. PERSANDINGAN.

Majlis persandingan merupakan adat dalam sesebuah masyarakat. Ia hanya sunat dilakukan untuk memperkenalkan kepada ahli keluarga yang mahram sahaja. Persandingan bukan bertujuan untuk dipertontonkan kepada umum dengan syarat :

- I. Menutup aurat
- II. Tidak diperlihatkan di khalayak
- III. Tidak berlaku pembaziran
- IV. Tiada unsur-unsur maksiat

4.7. MERENJIS DAN MENEPUNG TAWAR.

Upacara merenjis merupakan adat masyarakat Melayu. Ia boleh dilakukan dengan tujuan mewujudkan suasana harmoni dan mesra dikalangan ahli keluarga yang mahram sahaja.

Upacara menepung tawar adalah diharamkan kerana ia membawa kepada syirik.

4.8. HIBURAN.

Paluan kompong dan nyanyian seperti nasyid dan selawat bagi mengiklankan majlis walimah adalah diharuskan dengan syarat ia dilakukan secara sederhana, tidak bertentangan dengan syariat, mestilah bersifat mendidik, mengingati Allah SWT, memberi kesedaran, merapatkan silaturrahim dan mengingatkan kepada hadirin hikmah disyariatkan perkahwinan. Hiburan yang melalaikan dan berunsur maksiat adalah diharamkan. Antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Senikata yang lucuh, tidak sopan, membangkitkan nafsu syahwat dan melalaikan.
- ii. Suara yang terlalu kuat sehingga mengganggu ketenteraman tetamu dan jiran tetangga.
- iii. Nyanyian yang diiringi dengan tari-menari.
- iv. Memperagakan suara wanita.
- v. Menggunakan alat-alat muzik yang diharamkan oleh Islam.

4.10. PERSEMBAHAN.

Persembahan seperti silat atau seni mempertahankan diri adalah diharuskan. Ia adalah adat masyarakat di Malaysia yang tidak bercanggah dengan syariat. Namun begitu, hendaklah dipastikan persembahan silat ini tidak mengandungi sebarang unsur pemujaan dan pergerakan yang tidak sopan.

4.11. TAYANGAN VIDEO.

Menjadi kelaziman majlis perkahwinan akan diserikan dengan tayangan video atau lainnya bagi mengimbang kembali sejarah perjalanan kehidupan kedua-dua pengantin serta pertemuan awal keduanya hingga hinggalah diijabkabulkan sebagai suami isteri. Hendaklah dipastikan gambar-gambar yang dipamerkan itu adalah mereka yang menutup aurat, tidak menyinggung perasaan serta mengaibkan orang lain dan tidak berunsur riak serta takabbur. Kisah yang dipaparkan boleh merapatkan silaturrahim di antara keluarga kedua-kedua belah pihak serta tidak berbangga-bangga dengan kedudukan atau pangkat.

4.12. MEMOTONG KEK.

Memotong kek dalam sesebuah majlis perkahwinan hendaklah diraikan dalam keadaan yang sederhana, tidak membazir, berlebih-lebihan dan bermegah-megah.

4.13. PERARAKAN LILIN.

Upacara perarakan lilin di dalam majlis perkahwinan² adalah diharamkan.

4.14. IBADAH SOLAT.

Dalam kesibukan tuan rumah serta ahli keluarga melayan tetamu yang hadir, pelaksanaan ibadah solat dan kewajipan-kewajipan yang lain terhadap Allah SWT tidak boleh sama sekali ditinggalkan. Adalah baik disediakan kemudahan serta ruang menunaikan solat dan memperingatkan hadirin apabila masuknya waktu solat.

4.15. UCAPAN PENGHARGAAN.

Ucapan penghargaan dan terima kasih pihak keluarga kepada hadirin yang meraih dan menjayakan majlis, serta menyeru bersama-sama

mendoakan keberkatan, kesejahteraan dan kebahagiaan pengantin amatlah digalakkan.

5. PENUTUP.

Semoga dengan adanya garis panduan ini akan dapat membantu umat Islam untuk mengadakan majlis perkahwinan menepati kehendak syarak.

12

13

GARIS PANDUAN INI TELAH DIPERAKUKAN OLEH MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR BILANGAN 01/2012 BERTARIKH 21/02/2012.



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam,

Telefon : 03-5514 3738

Fax : 03-5519 7584

Email : mufti_sel@selangor.gov.my

<http://www.muftiselangor.gov.my>